

Pengertian REJAB

Rejab bermakna kebesaran atau kemuliaan dan ia membawa maksud bulan yang dibesarkan atau dimuliakan. Masyarakat Jahiliyah menamakan bulan ini dengan bulan Rejab kerana mereka memulia dan menghormati bulan ini dengan mengharamkan berperang di dalamnya. Dan Rasulullah SAW mengekalkan nama ini dan mengharamkan pertumpahan darah di bulan Rejab. Dan bagi umat Islam, kita memperingati dan memuliakan Rejab sempena dengan peristiwa besar yang berlaku kepada Rasulullah SAW iaitu peristiwa Isra' dan Mi'raj.

Peristiwa-Peristiwa Penting Bulan Rejab

Hijrah Pertama Hijrah ke Habsyah (Ethiopia) Pihak musyrikin Mekah meningkatkan tekanan dan ancaman kepada Rasulullah SAW dan mereka yang beriman kepada Rasulullah SAW pada ketika itu. Ada di kalangan sahabat yang mengadu kepada Rasulullah SAW tentang derita yang mereka tanggung lalu Rasulullah SAW memerintahkan agar mereka berhijrah ke negeri Habsyah.

1. Hijrah Pertama

Hijrah ke Habsyah (Ethiopia) Pihak musyrikin Mekah meningkatkan tekanan dan ancaman kepada Rasulullah SAW dan mereka yang beriman kepada Rasulullah SAW pada ketika itu. Ada di kalangan sahabat yang mengadu kepada Rasulullah SAW tentang derita yang mereka tanggung lalu Rasulullah SAW memerintahkan agar mereka berhijrah ke negeri Habsyah.

Tujuan hijrah ini adalah untuk menyelamatkan iman dan keselamatan diri di samping untuk mencari tapak baru untuk Islam bertapak dan menyusun langkah untuk agenda seterusnya. Diantara mereka yang berhijrah ke Habsyah ialah Saidina Othman RA dan istrinya Roqiah anak Rasulullah SAW. Jumlah mereka adalah 14 orang termasuk 4 orang wanita. Habsyah dipilih adalah kerana rajanya dikenali dengan toleransi dan sikap terbukanya.

2. Isra' dan Mi'raj

Isra'dan Mi'raj ertinya Rasulullah SAW dijalankan dari Mekah ke Baitulmuqaddis di waktu malam dan diangkat ke langit bertemu Allah SWT dan untuk mengambil kewajipan solat 5 waktu dari Allah SWT.

Dalam menentukan tarikh bila berlakunya peristiwa ini, sebahagian ulama mengatakan pada 27 RabiulAkhir; sebahagian ulama mengatakan pada 17 RabiulAwal; sebahagian ulama mengatakan 29 Ramadhan; sebahagian ulama mengatakan pada 27 Rejab dan sebahagian ulama yang lain mengatakan pada tanggal-tanggal selain dari yang tersebut.

Menurut Chalil, 1999 sebagaimana yang dijelaskan oleh Dr.(H) Hj. Kassim Bahali, ada setengah ulama mengatakan pada malam tanggal 7 RabiulAwal. Adapun yang terbanyak ialah golongan yang mengatakan pada tanggal 27 Rejab, sekalipun tidak dengan alasan yang kuat.

Tahun berlakunya juga terdapat perselisihan pendapat ulama, ada sebahagian yang mengatakan pada tahun ke 5 dari Bi'tsah (tahun mula diutusnya peribadi Nabi), sebahagiannya berpendapat pada tahun ke 12 dari Bi'tsah; sebahagiannya berpendapat pada tahun sebelum Nabi hijrah ke Thaif, sebahagian berpendapat pada tahun ketiga sebelum hijrah Nabi S.A.W ke Madinah dan ada yang sebahagiannya pula berpendapat lain dari semuanya itu.

Bagaimanapun seorang ahli sejarah Islam bernama Ibnu Saad telah mencatatkan dalam kitabnya "At-Tobaqatil Qubra", bahawa berlaku israk mikraj terhadap Nabi s.a.w. ialah pada lapan belas bulan sebelum Nabi S.A.W. hijrah ke Madinah dalam satu peristiwa yang amat bersejarah itu. (Tazkirah, Pusat Zakat N. Sembilan)

3. Perang Tabuk

Tabuk adalah mengambil nama sempena nama satu tempat di Utara Semenanjung Arab di mana Rasulullah SAW dan 30 ribu tentera Islam berkumpul. Tidak berlaku pertempuran kerana tentera Rom telah melarikan diri kerana takut dan gerun kepada kekuatan dan kecekalan tentera Islam yang sanggup menghadapi berbagai kesukaran

4. Pembebasan Baitul-Muqaddis

Baitul Muqaddis telah dibuka pada zaman Saidina Umar Al-Khattab RA di zaman pemerintahannya. Akibat kelalaian dan perpecahan umat Islam di zaman pemerintahan Abasiyah, umat Kristian (tentera Salib) telah melakukan serangan demi serangan ke atas Baitul Muqaddis dan akhirnya dapat menawan kota suci Baitul Muqaddis setelah 500 tahun dikuasai oleh pemerintahan Islam. Tentera Salib telah menduduki Baitul Muqaddis hampir 60 tahun sebelum dibebaskan kembali oleh panglima Islam terkenal Salehuddin Al-Ayubi. Beliau telah berjaya menawan kembali Baitul Muqaddis dari tangan tentera Salib pada hari Jumaat, 27 Rejab 583H. Dan pada tahun 1967 bersamaan 1387H umat Yahudi pula menawan Baitul Muqaddis (Palestin) dan menamakan negara baru mereka dengan nama Israel.

5. Lahirnya Imam Syafie RH.

Nama sebenar Imam Syafie RH ialah Muhammad bin Idris. Beliau lahir di Ghuzah, Palestin pada tahun 150H bersamaan 767 Masehi dalam bulan Rejab. Beliau adalah salah seorang dari empat imam mazhab yang besar dalam dunia Feqah. Malaysia mengamalkan mazhab Syafie. Diantara peninggalan imam Syafie RH yang tiada ternilai harganya dan menjadi rujukan sehingga sekarang ialah kitab al-Umm.

AMALAN – AMALAN DI BULAN REJAB

Tiada amalan khusus untuk bulan Rejab yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW yang dijumpai di dalam mana-mana hadis shahih. Penulis berpendapat ada hikmahnya kenapa Allah SWT, Rasulullah SAW dan para sahabat RA tidak memberitahu tarikh dan tahun berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj. Rasulullah SAW tidak mahu umatnya menetapkan ibadat-ibadat tertentu di bulan Rejab khasnya pada hari dan malam berlakunya peristiwa Isra' dan Mi'raj itu.

Ini untuk mengelakkan berlakunya perkara-perkara yang diada-adakan (bid'ah) dan perbuatan membeza-bezakan kemuliaan satu-satu bulan. Namun begitu ada pendapat yang meriwayatkan tentang amalan-amalan sunat tertentu seperti solat sunat Rejab, puasa Rejab dan umrah Rejab. Pendapat ini adalah bersandar kepada hadis-hadis lemah.

Terlalu banyak amalan-amalan sunat yang umum yang masih kita belum berkesempatan untuk mengamalkannya boleh kita praktikkan di bulan Rejab ini sebagai persediaan kita menjelang Ramadhan al-Mubarak. Diantaranya solat malam, qiamul-lail, puasa Isnin dan Khamis, tadarrus al-Qur'an dan lain-lain lagi.

Di sini penulis ingin menyarankan agar pada akhir bulan Jamadilakhir khasnya pada 29 Jamadilakhir, kita bolehlah melatih mata kita untuk menjejaki hilal. Proses melatih mata untuk merukyah hilal boleh dimulakan 20 minit sebelum Maghrib sehinggalah 20 minit selepas maghrib dengan memerhatikan ufuk Barat sekitar tempat matahari terbenam.

Ini boleh dilakukan dengan mata kasar tanpa menggunakan sebarang alat kecuali untuk melihat matahari perlukan penapis (solar filter). Bagi mereka yang mempunyai teleskop atau teodolite ataupun binocular, inilah masanya untuk menguji peralatan dan kemahiran masing-masing agar pada hari cerapan hilal Sya'ban, Ramadhan dan Syawal kita tidak menghadapi masalah dalam melakukan cerapan hilal.

Dan sebenarnya Rasulullah SAW sendiri amat mengambil berat tentang kedudukan bulan pada setiap akhir bulan khasnya apabila menjelangnya bulan Rejab dan bulan-bulan seterusnya.

Berpuasa di Bulan Rejab

Imam al-Nawawi (rahimahullah) menyebut:

“Tiada larangan dan tiada juga galakkan berhubung dengan bulan Rejab itu sendiri, walaubagaimanapun:

- berasaskan bahawa pada prinsipnya berpuasa itu sendiri merupakan suatu amalan yang dipuji, dan
- di dalam Sunan Abu Dawud, Rasulullah telah menggalakkan berpuasa di bulan-bulan

Haram, dan bulan Rejab adalah salah satu dari bulan-bulan Haram.

Hadith Berhubung dengan berpuasa di bulan Rejab

[1] `Uthman ibn Hakim al-Ansari berkata: "Aku bertanya Said ibn Jubair berhubung dengan berpuasa di bulan Rejab, dan kami sedang berada di bulan Rejab, dan beliau berkara: "Aku mendengar Ibn `Abbas berkata: "Rasulullah pernah berpuasa berterusan sehingga kami menyangka bahawa beliau tidak akan berbuka samasekali, dan beliau juga [ada ketikanya] tidak berpuasa berterusan sehingga kami menyangka bahawa beliau tidak berpuasa samasekali."

.[Diriwayatkan oleh Muslim dan Abu Dawud dalam Kitab al-sawm, dalam bab berpuasa di bulan selain dari bulan Ramadhan, dan berpuasa di bulan Rejab].

Imam Nawawi seterusnya berkata bahawa:

"Berdasarkan hadith Said ibn Jubair dari Ibn `Abbas itu bolehlah dibuat kesimpulan bahawa berpuasa di bulan Rejab itu sendiri tidaklah dilarang dan tidaklah juga digalakkan secara khususnya, namun, ianya tertakluk kepada kaedah sepertimana berpuasa di bulan-bulan lain. Tiada dalil khusus yang mensabitkan secara nyata bahawa berpuasa di bulan Rejab itu dilarang mahupun digalakkan, namun berdasarkan prinsip bahawa berpuasa itu sendiri merupakan amalan perbuatan yang digalakkan dan di dalam Sunan Abu Dawud (*) menyebut bahawa Rasulullah telah menjadikan berpuasa di bulan-bulan Haram adalah amalan terpuji, maka bulan Rejab yang merupakan salah satu dari bulan-bulan Haram, berpuasa di bulannya turut digalakkan. Wallahu alam."

[Imam Nawawi, Sharh Sahih Muslim Kitab 13 Bab 34 #179]

(*) Di dalam Sunan Abu Dawud pada Kitab al-Siyam, pada Bab "Berpuasa di bulan-bulan Haram", juga di dalam Ibn Majah dan Ahmad, di mana hadith seorang lelaki yang mengulangi kata-katanya kepada Rasulullah : "Aku boleh menanggung lebih dari itu," dan Rasulullah akhirnya bersabda:

"Berpuasalah di bulan-bulan Haram."

Ianya juga sabit bahawa Ibn `Umar berpuasa di bulan-bulan Haram. [lihat Musannaf `Abd al-Razzaq 4:293, Musannaf Ibn Abi Shayba 1:125]

[2] Abdullah, seorang hamba yang dibebaskan oleh Asma', anak perempuan kepada Saidina Abu Bakar al-Siddiq, merupakan bapa saudara kepada anak `Ata melaporkan bahawa "Asma' telah mengutusku kepada Abdullah ibn `Umar dan berkata: "Telah sampai kepadaku bahawa kau mengharamkan tiga perkara: jubah berjalur, kain pelana diperbuat dari sutera merah dan berpuasa penuh di bulan Rejab." Abdullah menjawab: "Adapun berhubung dengan berpuasa di bulan Rejab, bagaimana pula kiranya seseorang itu berpuasa sepanjang waktu? Adapun berhubung dengan pakaian berjalur, aku mendengar `Umar ibn al-Khattab berkara bahawa beliau mendengar Rasulullah bersabda: "Sesiapa yang memakai pakaian diperbuat dari sutera, tiada baginya saham buatnya di Hari Akhirat kelak." Dan aku kkuatir jalur juga termasuk sebahagian darinya.

Adapun berhubung dengan kain pelana merah, nah! ini adalah kain pelana Abdullah dan ianya adalah merah. Aku kembali kepada Asma' dan memaklumkan kepada beliau, lalu beliau berkata: "Nah! Ini adalah jubah Rasulullah ," dan beliau keluarkan

dan tunjukkan kepadaku jubah yang diperbuat dari kain Parsi dengan dihiasi dari jalur-jalur sutera, dengan bahagian hujung tangan jubah itu juga dihiasi sutera dan berkata: "Ini adalah jubah Rasulullah bersama `A'ishah sehingga beliau (Aishah) meninggal dunia, kemudiannya aku memilikinya. Rasulullah pernah memakainya dan kami membasuhnya kepada orang sakit supaya mereka dapat disembuhkan dengan sebabnya."

[Diriwayatkan oleh Muslim dalam Kitab al-Libas]

Imam Nawawi seterusnya berkata: "Jawapan Ibn Umar di atas berhubung dengan berpuasa di bulan Rejab itu adalah merupakan penafian beliau terhadap apa yang didengari oleh Asma' kononnya beliau mengharamkannya, dan penegasan beliau bahawa beliau berpuasa penuh di bulan Rejab dan juga berpuasa sepanjang waktu, kecuali pada Hari Raya dan Tashriq. Ini adalah mazhab beliau dan mazhab bapanya, Saidina `Umar ibn al-Khattab, `A'isyah, Abu Talhah, dan lain-lain di kalangan Salaf, begitu juga Imam Shafi'e dan lain-lain. Pendirian mereka ialah puasa secara berterusan itu bukan sesuatu yang makruh.

[Pandangan lain Ibn `Umar melalui hadith diriwayatkan Ahmad di dalam kitabnya "al-Mughni" 3:167, di mana beliau tidak menggalakkan berpuasa sepenuhnya di bulan Rejab, tetapi berkata:

"Berpuasalah sebahagiannya, dan berbukalah sebahagiannya."]

* * * * *

Imam Nawawi seterusnya menambah: "Hadith ini adalah dalil bahawa digalakkan mengambil berkat dari barang peninggalan dan pakaian para solehin. (wa fi hadha al-hadith dalil `ala istihbab al-tabarruk bi athar al-salihin wa thiyabihim)."

[Sharh sahih Muslim Kitab 37 Bab 2 #10]

[3] Bayhaqi meriwayatkan dalam Shu`ab al-Iman (#3802):

Abu Abdallah al-Hafiz dan Abu Muhammad ibn Abi Hamid al-Muqri telah berkata:

dari Abu al-`Abbas al-Asamm,

dari Ibrahim ibn Sulayman al-Barlisi,

dari Abdallah ibn Yusuf,

dari `Amer ibn Shibl,

yang berkata: "Aku mendengar Abu Qilabah berkata:

"Di sana ada suatu tempat di Syurga untuk mereka yang berpuasa di bulan Rejab."

Imam Bayhaqi seterusnya menambah: "Walaupun ianya mawquf setakat Abu Qilabah (tidak sampai kepada Rasulullah), yang merupakan salah seorang Tabi'in, dia sesungguhnya tidak mengucapkan sedemikian itu melainkan pernah mendengarnya dari orang yang pernah mendengar orang yang diturunkan kepadanya wahyu (iaitu Rasulullah), dan kejayaan itu adalah dari Allah jua."

Selawat dan Salam buat Junjungan Rasulullah, kaum keluarga Baginda dan para Sahabat Baginda.

PETIKAN KELEBIHAN DAN AMALAN BULAN REJAB

Kelebihan bulan Rejab tersebut di dalam AlQuran di surah At-Taubah ayat 36 Allah berfirman:

Yang ertinya:

Sesungguhnya bilangan bulan bulan di sisi Allah Taala ialah dua belas dicitab Allah pada hari dijadikan langit dan bumi. Di dalamnya ada 4 bulan yang suci.

Bulan Suci

Apabila dilihat dalam kitab tafsir, hampir semua ulama tafsir sepakat dalam mentafsirkan 4 bulan yang dimaksudkan dalam ayat tadi adalah bulan Rejab, Zulkaedah, Zulhijjah, dan Muharram.

Tiga bulan berturut turut, iaitu Zulkaedah, Zulhijjah, dan Muharram, satu bulan tersendiri iaitu bulan Rejab.

Bulan Allah

Imam As-Sayuti r.a meriwayatkan sebuah hadis bahawa Nabi s.a.w bersabda yang ertinya:

Rejab adalah bulan Allah, Syaaban bulanku dan Ramadhan bulan umatku.

Bersabda Nabi s.a.w. Yang ertinya:

Bulan Rejab adalah bulan untuk bertanam. Maka bernialalah kamu semoga Allah merahmati kamu pada bulan Rejab kerana ianya adalah musim untuk berniala. Dan makmurkanlah waktu kamu (dengan beramal) di dalamnya kerana ianya adalah waktu berbuat amal.

Istighfar

Para ulama berkata bulan Rejab adalah bulan istighfar. Maka perbanyakkanlah istighfar di dalamnya. Imam As-Sayuti r.a membawa sebuah hadis yang diriwayatkan dari Ad-Dailami oleh Saiyidina Ali Ibn Abi Talib k.w. Nabi s.a.w bersabda yang ertinya:

Banyakanlah beristighfar di bulan Rejab kerana pada setiap saat di dalamnya Allah menyelamatkan (seorang) dari api neraka.

Berganda

Rejab adalah musim perniagaan, iaitu perniagaan dengan amal saleh. Mereka yang banyak membuat amal saleh pada bulan ini akan mendapat keuntungan besar di akhirat. Dalam Al-Quran di surah Al-An'am ayat 160 Allah Taala berfirman.

Yang ertinya: Barang siapa membawa amal kebaikan maka baginya sepuluh kali ganda.

Tetapi amal kebajikan yang dilakukan pada bulan Rejab digandakan sebanyak 70 kali ganda. Begitu juga sembahyang pada waktu malam akan memberi cahaya kepada hati dan membawa kepada keredhaan Allah.

Pohon

Rejab merupakan pembukaan bulan kebaikan dan berkat.

Jika tahun diibaratkan sebagai pohon, Rejab ibarat waktu keluarnya daun, Syaaban ibarat keluarnya bunga dan Ramadhan ibarat keluarannya buah buannya.

Lima Malam

Imam As-Sayuti r.a membawa sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Asakir r.a bahwa Nabi s.a.w pernah bersabda.

Yang artinya: Lima malam tidak ditolak di dalamnya doa. Malam pertama didalam bulan Rejab, malam Nisfu Syaaban, malam Jumaat, malam hari raya Aidil Fitri dan malam Hari Raya Aidil Adha.

Selawat

Nabi s.a.w telah bersabda lagi yang artinya:

Aku melihat pada malam Mikraj sebuah sungai yang airnya lebih manis daripada madu dan lebih sejuk daripada air batu dan (baunya) lebih harum daripada kasturi. Aku bertanya kepada Jibrail, "Ya Jibrail untuk siapakah ini? Beliau berkata, "Untuk mereka yang berselawat atas mu pada bulan Rejab."

Puasa

Imam As-Sayuti banyak meriwayatkan hadis Nabi s.a.w tentang puasa di bulan Rejab. Antaranya sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Said Ibn Abi Rashed r.a Nabi s.a.w bersabda yang artinya:

Rejab adalah bulan yang mulia di mana Allah melipat gandakan segala (pahala) kebajikan. Dan barang siapa yang berpuasa satu hari di bulan Rejab seperti dia berpuasa setahun. Dan barang siapa yang berpuasa selama tujuh hari nescaya ditutupkan baginya pintu-pintu neraka. Dan barang siapa berpuasa selama delapan hari di bukakan baginya delapan pintu syurga. Dan barang siapa berpuasa selama sepuluh hari tiada yang diminta kepada Allah sesuatu melainkan diberikannya. Dan barang siapa yang berpuasa selama lima belas hari di seru (namanya) oleh malaikat dari langit (dan berkata) sesungguhnya Allah telah mengampunkan dosanya yang telah lalu dan bermulalah amal baru. Dan barang siapa yang melebihkannya akan dilebihkan Allah. Di bulan Rejab Allah telah mengangkat Nabi Nuh a.s ke dalam kapal dan baginda berpuasa di bulan Rejab dan memerintahkan semua yang bersamanya berpuasa.

Istana

Dalam hadis yang lain diriwayatkan oleh Abi Qilabah Nabi s.a.w bersabda yang artinya:

Di syurga ada sebuah istana (yang dikhaskan) untuk mereka yang berpuasa di bulan Rejab.

Sungai

Begitu juga imam Al-Baihaqqi r.a dalam meriwayatkan sebuah hadis dari Anas Ibn Malik r.a Nabi s.a.w bersabda yang artinya:

Di syurga ada sebuah sungai yang dinamakan Rejab. Warnanya lebih putih daripada susu dan manisnya lebih daripada madu. Barang siapa yang berpuasa sehari di bulan Rejab nescaya diberi minum Allah Taala daripada sungai itu.

Lapar

Dalam sebuah hadis Nabi s.a.w yang lain bersabda yang artinya:

Semua insan lapar pada hari kiamat kecuali para Nabi dan keluarga mereka dan orang-orang yang berpuasa pada bulan Rejab, Syaaban dan Ramadhan.

Sesungguhnya mereka kenyang tidak akan lapar dan haus.

Kubur

Diriwayatkan bahawa 4 perkara akan meringankan azab kubur.

Tetap dalam membaca Al-Quran.

Bersifat rahmat terhadap anak-anak yatim.

Berpuasa 3 hari di bulan Rejab

Berpuasa 3 hari di bulan Syaaban

Tiga hari yang dimaksudkan itu ialah pada 13,14,15 haribulan.

Isnin Khamis

Bagi mereka yang berpuasa pada hari Isnin dan Khamis di dalam bulan Rejab akan mendapat dua pahala kerana mengikut sunnah Nabi s.a.w kerana diamalkan didalam bulan Rejab.

Doa

Doa Rejab yang masyhur berupa istighfar yang diajarkan oleh Nabi s.a.w., Diamalkan sebanyak 70 kali setiap hari atau setiap pagi dan petang. Istighfarnya adalah.

Yang ertinya: Ya Allah ampunilah daku dan rahmatilah daku dan aku bertaubat (kepadaMu Ya Allah)

Berkenaan beristighfar ini Nabi s.a.w bersabda yang ertinya: Barang siapa yang beristighfar kepada Allah dibulan Rejab pada waktu siang dan malam dan berkata: Ya Allah, ampunilah daku dan rahmatilah daku dan aku bertaubat (kepadaMu ya Allah) sebanyak tujuh puluh kali nescaya tidak disentuh api neraka kulitnya sama sekali.

Sejauh mana Israk, Mikraj dijadikan satu iktibar.

Rejab ialah bulan yang cukup istimewa dalam takwim islam.

Pelbagai peristiwa berlaku pada bulan ini dan satu daripadanya yang sangat penting ialah peristiwa Israk dan Mikraj pada 27 Rejab.

Peristiwa Israk dan Mikraj bukan sahaja banyak mengandungi pengajaran berguna kepada umat islam malah menjadi satu ujian kepada kepercayaan dan kekuatan akidah umat islam.

Peristiwa itu berlaku di luar kemampuan akal fikiran manusia untuk menerima dan memahaminya. Oleh itu ramai umat islam yang lemah iman akan tergelincir akidah dan pegangannya terhadap islam kerana meragui peristiwa berkenaan dan mempertikaikannya daripada segi logik akal manusiawi.

Memang benar, jika peristiwa Israk dan Mikraj itu dinilai dari sudut akal fikiran semata

mata sudah tentu manusia tidak mampu mempercayai berlakunya peristiwa itu terhadap Rasulullah.

Ini kerana akal fikiran manusia terbatas, tetapi jika diletakkan di atas dasar keimanan dan ketakwaan, sudah tentu ia dapat diyakini.

Aspek keyakinan ini diperkuatkan lagi dengan firman Allah yang menceritakan peristiwa Israk dan Mikraj dengan menyebutkan "Maha suci Allah" iaitu maha suci Allah daripada sebarang kelemahan dan kekurangan.

Firman Allah bermaksud: "Maha suci Allah yang menjalankan hambanya (Muhammad) pada malam hari dari masjidil Haram ke masjidil Aqsa yang kami (Allah) berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami, Sesungguhnya Allah juaah yang Maha mendengar lagi Maha Mengetahui."—(Al Israk;1).

Dalam penghidupan moden ini, apakah pengajaran dan iktibar yang boleh diteladani daripada peristiwa itu?

Antara pengajaran dan iktibar:-

Menyahut rintihan Rasulullah dalam usahanya menyampaikan dakwa terhadap umat jahiliah, yang ternyata baginda mendapat tentangan yang amat hebat. Antara yang paling hebat ialah ketika baginda berdakwa kepada penduduk Taif. Ketika itu Baginda diejek dan dilempar dengan batu hingga terluka.

Justeru itu, Rasulullah segera keluar dari kawasan itu dan berehat di sebuah kebun milik Uthbah dan Syibah Rabiah. Pada saat itu, baginda mengadu kepada Allah. Sesungguhnya Allah mendengar apa yang diucapkan Rasulullah dan berdasarkan hadis Nabi bahawa Allah mengutus malaikat Jibril dengan menawarkan bantuan untuk menghempap mereka yang melakukan kekejaman terhadap Rasulullah dengan gunung-gunung yang ada di sekitaran kota Taif itu. Namun, Rasulullah menolak tawaran malaikat Jibril itu, bahkan baginda berdoa agar Allah menjadikan anak cucu mereka termasuk di kalangan yang menerima Islam dimasa yang akan datang.

Selain daripada itu, peristiwa Israk dan Mikraj juga memperlihatkan kepada Rasulullah dan umat Islam beberapa pengajaran yang amat penting iaitu: Kepentingan solat fardu sehari semalam lima waktu;

Balasan baik kepada mereka yang melakukan kebaikan dan sebaliknya memperlihatkan balasan buruk kepada mereka yang melakukan kejahatan; dan Umat Islam akan menghadapi banyak cabaran daripada musuh mereka sepanjang zaman.

Peristiwa Israk dan Mikraj memperlihatkan betapa pentingnya salat lima waktu. Ia berbeza dengan ibadat yang lain.

Kefarduan ibadat solat ditentukan pada malam berlakunya Israk dan Mikraj dengan Nabi Muhammad dijemput menerimanya daripada Allah s.w.t di Sidratul Muntaha manakala ibadat lain difardukan melalui wahyu yang dibawa malaikat Jibril a.s.

Kefarduaannya yang pada asal diberikan oleh Allah s.w.t sebanyak 50 waktu sehari semalam bertukar menjadi 5 waktu sehari semalam setelah Nabi s.a.w memohon untuk dikurangkan atas nasehat Nabi Musa a.s. Namun pahalanya tetap di berikan Allah sebanyak 50 waktu pahala bersembahyang.

Beberapa perkara yang diperlihatkan kepada Rasulullah sewaktu Israk dan Mikraj.

Sekumpulan manusia menanam dan menuai gandum. Setiap kali dituai, gandum itu tumbuh kembali dan terus boleh dituai dan begitulah keadaannya.

Ini menggambarkan balasan kepada mereka yang berkorban apa sahaja untuk kepentingan agama Allah. Mereka akan mendapat balasan terus menerus.

Tempat yang sangat harum. Hal ini memperlihatkan balasan baik bagi mereka yang berkorban pada jalan Allah.

Sekumpulan manusia memakan daging mentah dan busuk sedangkan disebelah mereka tersedia daging baik.

Ini menggambarkan keadaan mereka yang melakukan zina sedangkan sudah mempunyai isteri atau suami.

Manusia yang berperut besar sehingga tidak boleh bangun — Gambaran balasan orang yang memakan riba.

Manusia yang mengumpul dan mengikat kayu untuk dipikul. Apabila tidak terdaya memikul, makin ditambahnya — Gambaran manusia yang tidak amanah, tetapi mahu menerima amanah dan tanggungjawab atau jawatan dengan banyak walaupun tidak mampu melaksanakannya.

Panggilan perempuan tua yang memakai perhiasan untuk mengajak berbual dan berbicara – Gambaran bahawa dunia dan pengaruh kebendaan pasti akan mempersonakan manusia.

Gangguan Iblis dan Jin untuk mengganggu perjalanan Rasulullah. Ini menunjukkan iblis dan jin pasti mengganggu manusia supaya sesat daripada jalan Allah.

Golongan manusia yang memecahkan kepala mereka berkali kali – Gambaran manusia yang meninggalkan solat kerana sibuk dengan urusan dunia.

Manusia yang memakai pakaian compang camping dan memakan sampah sarap serta rumput rampai – Gambaran manusia yang tidak membayar zakat, tidak mengeluarkan zakat, tidak bersedekah dan seumpamanya sayangkan harta.

Kumpulan manusia yang memotong lidah sendiri secara berterusan – gambaran menunjukkan kumpulan manusia yang menyebarkan fitnah, pembohong dan seumpamanya.

Lembu besar keluar dari lubang kecil dan cuba masuk semula ke dalam lubang itu -- Gambaran manusia angkuh dan bercakap besar, selepas itu dia kesal dan mahu manarik balik percakapannya itu.

Pokok berduri yang mancarik pakaian orang yang lalu berhampirannya – Gambaran manusia yang suka berada di persimpangan jalan dan mengganggu orang lalu lalang di kawasan itu.

Perempuan digantung rambutnya ke dalam neraka – Gambaran kaum wanita yang tidak menutup aurat.

Ternyata kesemua 13 peristiwa yang diperlihatkan itu menggambarkan keadaan manusia yang ada dimuka bumi ini dan ternyata keadaan ini sedang berlaku.

Persoalannya, sejauh manakah kita menginsafinya dan menjadikannya sebagai satu iktibar sedangkan setiap tahun umat islam menyambut Israk dan Mikraj dengan pelbagai aktiviti seperti ceramah, forum, perbahasan dan seumpamanya?

Empat perkara yang berharga dalam diri manusia:

Telah bersabda Nabi Muhammad saw yang bermaksud: "Ada empat macam yang berharga dalam diri manusia dan ia boleh hilang dengan empat sebab. Adapun yang berharga itu ialah akal, agama, malu dan amal soleh. Maka akal boleh hilang disebabkan marah. Agama boleh hilang disebabkan dengki. Malu boleh hilang disebabkan tamak dan amal soleh boleh terhapus disebabkan suka menceritakan keburukan orang lain."



**Diurusterbit oleh:
Unit Pendidikan Islam & Unit ICT/ Maklumat
Pejabat Pelajaran Daerah Jasin.**